

31/05/2000

Memugar idealisme belia berteraskan ilmu, iman

Asyraf Wajdi Dusuki

KECENDERUNGAN belia sering disalah tafsir hingga pelbagai perspektif dan tohmahan dilontarkan terhadap golongan ini. Ada yang menganggap belia adalah golongan bermasalah.

Walaupun tanggapan yang lahir sama ada positif atau negatif, sejarah negara membuktikan betapa belia mempunyai saham besar dalam perubahan penting pelbagai bidang hidup masyarakat. Sumbangan dan peranan belia dalam mencorak dan mewarnai pola politik, ekonomi, sistem sosial, pendidikan dan kesenian tidak boleh dinafikan oleh sesiapa.

Malah, keadaan ini turut diiktiraf oleh kerajaan sama ada secara langsung ataupun tidak. Ini terbukti dalam sejarah penubuhan sayap pemuda dan wanita parti politik dan pertubuhan sosial, perhatian penting terhadap isu belia, penubuhan kementerian khas yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal belia, peruntukan kewangan bagi pelbagai program belia, dan penyertaan wakil belia dalam beberapa jawatankuasa dan badan penasihat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya sempena Perhimpunan Hari Belia Negara di Kuantan baru-baru ini turut memperakui peranan dan tanggungjawab belia di Malaysia. Beliau menegaskan betapa pentingnya idealisme belia untuk terus dipertahankan agar mampu membangunkan negara dan menganjak masyarakat daripada terus berada di takuk yang lama. Menginsafi kepentingan belia sebagai aset penting negara juga mencetuskan idea penubuhan sebuah jawatankuasa khas Kabinet mengenai belia yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri.

Ini sejajar dengan pesanan yang dibuat oleh Imam Al-Ghazali yang pernah mengatakan bahawa, "belia atau generasi muda adalah pewaris kepemimpinan negara. Sekiranya belia rosak maka rosaklah sesebuah negara."

Persoalannya sekarang adakah belia di Malaysia hari ini mampu menjadi pemangkin pembangunan negara? Adakah belia masih kuat berpegang kepada prinsip dan idealisme luhur yang seterusnya mampu diterjemahkan kepada tindakan yang realistik, rasional dan bijak? Atau apakah belia hari ini masih berjiwa besar dan mempunyai daya juang yang tinggi untuk menghadapi pelbagai cabaran alaf baru yang menjadi igauan masyarakat?

Inilah antara dilema yang melanda generasi belia hari ini. Pelbagai isu dan polemik masyarakat yang melanda, sedikit sebanyak meleburkan keyakinan belia untuk terus berpegang kepada idealisme dan prinsip yang selama ini diperjuangkan. Ditambah dengan cabaran semasa dan perubahan dalam konteks suasana masyarakat yang berada dalam kerangka dunia kapitalis dengan kepesatan teknologi maklumat sudah pastilah menghakis nilai jati diri belia sendiri.

Jika dinilai dengan penuh ikhlas, didapati ada semacam kekosongan dan kelompong dalam arus pergerakan belia hari ini. Pertubuhan belia hari ini sudah hilang semangat dan hala tuju. Idealisme belia yang sebelum ini cukup dikagumi dan disanjung oleh masyarakat seolah-olah tidak lagi bermaya, apa lagi berupaya mendepani cabaran atau apa juga bentuk rintangan. Kepemimpinan belia lebih ramai bersikap 'pak turut' atau menjadi penonton setia kepada pelbagai isu masyarakat yang timbul. Malah, ada yang bersikap mementingkan diri sendiri dan mula berfikir dalam kerangka pemikiran materialistik dan terbelenggu dengan nilai-nilai individualistik.

Program yang dijalankan oleh sesetengah pertubuhan hanya bersifat seperti melepaskan batuk di tangga atau sekadar memenuhi takwim tahunan persatuan. Matlamat sesuatu gerak kerja tidak begitu jelas. Lebih banyak

program yang bersifat majlis rasmi yang menelan belanja besar tetapi tidak pernah dibincang soal keberkesanan dan keperluannya. Kadangkala program dikira berjaya apabila menteri datang untuk merasmikan atau secara lahirnya nampak gah dan hebat.

Lebih malang lagi apabila sudah wujud nilai-nilai materialistik di kalangan belia hingga semakin pudar semangat kesukarelaan. Setiap perkara dinilai mengikut kaca mata dan nilai kebendaan dan wang ringgit. Setiap program mesti disertakan dengan wang sagu hati. Ahli jawatankuasa penganjur dan menteri pula mengenakan baju batik dan topi seragam.

Orang politik berebut-rebut menunjangi pertubuhan belia. Pertubuhan belia menjadi pentas politik baru bagi ahli politik yang inginkan tempat melebarkan pengaruh politik masing-masing. Tidak hairanlah ada kalangan pimpinan yang menjadikan pertubuhan belia sebagai salah satu cara untuk mempromosi diri bagi memudahkan mendapat kerusi bertanding dalam pilihan raya.

Fenomena yang melanda organisasi belia seperti ini menyebabkan generasi belia terus dipandang lesu oleh masyarakat. Orang muda mula menjauhkan diri daripada kegiatan yang bersifat sukarela, apatah lagi mempunyai semangat untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Mereka lebih cenderung kepada kegiatan yang bersifat hedonistik yang seringkali menjerumuskan mereka kepada pelbagai gejala sosial yang tidak sihat.

Justeru, usaha dan proses pemugaran idealisme belia perlu dipulihkan segera. Tumpuan kepada pembentukan dan pembangunan belia atau generasi muda yang berkualiti dan mempunyai jati diri serta ketahanan mental dan fizikal perlu diberikan perhatian serius. Idealisme belia yang berteraskan kekuatan ilmu dan iman perlu dijana dan diperkasakan.

Belia perlu disedarkan daripada mimpi indah untuk kembali ke tengah masyarakat dan mengembalikan kegemilangan silam yang pernah menobatkan nama belia sebagai kelompok yang banyak menyumbang ke arah perubahan masyarakat dan negara ke tahap yang lebih baik. Ini ditegaskan oleh Leopold Rosenmayr dalam bukunya, *Belia dan Masyarakat: Landasan Konsep dan Teori* yang menyatakan bahawa belia adalah kelompok yang terbukti berkuasa dengan caranya tersendiri dalam menentukan perubahan sosial masyarakat atau transformasi sosial.

Islam mengenegahkan banyak dalil mengenai pentingnya pembentukan generasi muda atau belia berkualiti sama ada melalui kitab suci al-Quran, hadis mahu pun sejarah perjalanan Nabi Muhammad SAW dan sahabatnya. Dalam surah An-Nisa', ayat kesembilan, Allah berfirman yang bermaksud, "Dan mereka seharusnya takut kepada Allah, andainya meninggalkan di belakang mereka zuriat turunan yang lemah, ..." Ayat ini membuktikan betapa tanggungjawab untuk membina generasi pewaris yang kuat dan berkualiti adalah sesuatu yang tidak boleh diabaikan atau dipandang ringan.

Sejarah Islam turut memberikan contoh yang mana belia turut berperanan, malah mempunyai tanggungjawab penting seperti memimpin pasukan tentera Islam seperti yang pernah dipertanggungjawabkan oleh Rasulullah ke atas Usamah Zayd, seorang pemuda belasan tahun. Jika ditelusuri sejarah perjuangan menegakkan Islam yang direncanakan oleh Rasulullah, didapati betapa baginda amat menitikberatkan soal pembinaan peribadi berkualiti serta berpegang teguh kepada idealisme dan prinsip Islam.

Kelompok teras yang kebanyakannya golongan muda inilah yang disebut oleh Sayyid Qutb sebagai 'Generasi Quranik yang unik'. Generasi yang terbina atas landasan penghayatan nilai-nilai dinamik daripada al-Quran. Inilah akhirnya berjaya menggoncang dunia dan menyebarkan lagi ajaran Islam ke seluruh pelusuk dan seantero dunia. Mereka mengalami proses transformasi radikal melalui proses tarbiyah dan pendidikan daripada Rasulullah yang berteraskan kekuatan ilmu, iman dan akhlak. Melalui tarbiyah, sahabat Nabi Muhammad seperti Umar Al-Khattab dan Khalid Walid yang pernah memusuhi

Islam akhirnya menjadi aset besar kepada Islam.

Sebagai pewaris kepemimpinan negara, belia perlu mempunyai kualiti dan jati diri yang kuat. Belia harus memupuk idealisme yang murni dan luhur berteraskan kekuatan ilmu dan iman yang tinggi. Pemugaran idealisme belia harus didasarkan kepada pembudayaan ilmu yang bersifat menyeluruh.

Kekuatan idealisme belia amat bergantung kepada sejauh mana belia mampu membudayakan dan memartabatkan ilmu di dalam kehidupan mereka. Ilmu sebagai teras pembentukan keintelektualan dan daya fikir generasi muda. Malah ilmu juga akan memastikan belia tidak mudah tergelincir daripada landasan rasional dan kesederhanaan. Penguasaan ilmu boleh membentuk belia berdisiplin dan mampu menilai sesuatu secara objektif, tidak emosi dan bergopoh-gapah. Apatah lagi setiap tindakan yang akan diambil atau apa jua bentuk perencanaan yang hendak dilaksanakan mampu menatijahkan sesuatu yang lebih baik dan berkesan.

Budaya ilmu juga akan membentuk kerangka pemikiran belia yang lebih dinamik, rasional dan berwawasan. Sejarah membuktikan bagaimana gerakan belia yang banyak menyumbang kepada perubahan di dalam konteks masyarakat memulakan proses pembaharuan pemikiran yang tidak boleh lari daripada penguasaan ilmu.

Sebagai contoh, gerakan golongan muda yang dipelopori oleh cendekiawan muda Islam seperti Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syed Syeikh Al-Hadi adalah kelompok awal yang berusaha membawa pemikiran baru dalam masyarakat Melayu ketika itu dengan fahaman nasionalisme Islam bagi membangkitkan semangat menentang penjajah. Usaha mereka walaupun mendapat tentangan yang hebat daripada kelompok tradisional sedikit sebanyak berjaya membangkitkan semangat baru kepada Melayu Islam untuk bangkit menentang penjajah.

Semuanya bertitik tolak kepada kekuatan idealisme berteraskan ilmu yang menatijahkan satu perubahan pemikiran dalam masyarakat Melayu waktu itu. Sebab itu, generasi akan lemah apabila mereka gagal menghayati ilmu yang sekali gus lemah dalam berfikir dan mencaturkan tindakan. Ini disokong oleh pemikir Islam terkemuka, iaitu Malik Ben Nabi yang menyifatkan kelemahan umat Islam hari ini yang rata-rata sedang menderitai wabak lemah dan malas berfikir.

Idealisme belia yang didasari oleh kekuatan ilmu pasti akan membentuk generasi belia dalam konteks pergerakan belia yang lebih dinamik serta berani mempertahankan prinsip kebenaran dan keadilan sosial sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Ini selaras dengan penegasan Perdana Menteri yang inginkan belia terus mendokong idealisme murni belia. Beliau berkata, belia harus mempunyai pandangan yang idealis seperti ingin melihat pentadbiran yang cekap, amanah dan bersih daripada sebarang bentuk penyelewengan dan rasuah supaya masyarakat dapat terus dibangunkan serta tidak terus berada di takuk lama.

Pemeriksaan dan pemugaran idealisme belia memastikan peranan belia dalam pembangunan masyarakat dan negara lebih jelas dan bermakna. Malah, kekukuhan idealisme belia akan memastikan belia mampu mendepani pelbagai cabaran zaman dengan lebih yakin dan bertenaga. Generasi muda khususnya belia harus memperkukuhkan jati diri mereka bagi menggarap kekuatan daya juang, daya saing dan daya saring yang tinggi.

Asyraf Wajdi Datuk Dusuki ialah Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)

(END)